

PM: Tiada ruang untuk pemerintah lakukan penindasan

KUALA LUMPUR 17

Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menegaskan, tidak ada ruang untuk pemerintah atau agensi - agensinya melakukan penindasan atau pemerasan dalam sebuah negara demokratik dan berperlembagaan yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasminya.

Mengambil pasukan polis sebagai contoh salah satu agensi yang dimaksudkan, Perdana Menteri berkata, ia adalah satu pasukan yang bertanggungjawab dalam menjalankan amanah negara dan rakyat di samping menguatkuasakan undang - undang tanpa membezakan kaum, agama atau fahaman politik.

Berucap menutup musabqah Al-Quran Polis Diraja Malaysia di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Gurney, beliau percaya pasukan polis dapat memikul tanggungjawabnya dengan memuaskan jika sifat-sifat ketakwaan, kesabaran dan keberanian dikekalkan di samping meningkatkan disiplin, kecekapan dan akhlak.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, dalam usaha mencegah jenayah dan menguatkuasakan undang - undang, pasukan polis sentiasa menjadi sasaran penjenayah dan mereka yang tidak mengendahkan undang-undang.

"Di antara mereka ini terdapat pelampau agama yang sudah jauh lari daripada ajaran Islam sehingga sanggup membunuh

anggota polis yang hanya menjalankan tugas untuk menjaga keselamatan negara.

"Mereka telah lupa betapa anggota polis menghadapi cabaran dan bahaya untuk keselesaan hidup mereka," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, polis juga terpaksa menangkis dan membendung gerakan komunis di hutan dan dalam kebanyakan operasinya, banyak kejayaan dicapai tetapi kerana kepentingan penerusan operasi, ia tidak diisytiharkan sehingga ramai tidak tahu betapa keselamatan rakyat terpelihara.

Katanya, oleh kerana tidak mengetahui peranan yang dimainkan oleh polis, ada golongan masyarakat yang menjadikan pasukan itu sebagai sasaran kritikan apabila timbul isu-isu semasa yang melibatkan keluhuran perlembagaan,

MM 13 MAY 1986
kedaulatan undang - undang dan keselamatan negara.

Perdana Menteri berkata, Islam mahukan umatnya hidup aman dan selamat di dunia dan di akhirat, keselamatan dan ketenteraman hanya dapat diteruskan apabila rakyat bersatu-padu, bekerjasama, bermuafakat dan menghindarkan permusuhan.

"Pertikaian yang timbul dari sikap benci - membenci, hasad dengki dan salah faham boleh menjajaskan perpaduan dan keselamatan," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun menarik perhatian bahawa keselamatan dan kedamaian begitu sukar untuk dipelihara hingga perbelanjaan untuk keselamatan menjadi terlalu tinggi di mana beribu-ribu juta ringgit dibelanjakan bagi menambah kekuatan polis dan tentera.

"Perbelanjaan ini dapat diselamatkan dan digunakan untuk lain-lain keperluan rakyat jika rakyat sendiri berdisiplin dan berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar iaitu beramamah, lurus dan melakukan kebaikan serta menolak perbuatan yang mungkar.

"Sebab itulah, kerajaan menganjurkan penerapan nilai-nilai Islam dan menggalakkan pembacaan Al-Quran dengan mengadakan musabqah," ujarnya.

Perdana Menteri berkata masyarakat Malaysia bukan sahaja akan menjadi lebih bahagia tetapi akan lebih dihormati kerana keadaan sentiasa aman dan selamat tanpa terlalu banyak kawalan oleh polis dan sebagainya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyeru pasukan polis meningkatkan tahap profesionalismenya kerana ia adalah satu kekuatan untuk pasukan polis di mana-mana negara pun agar pasukan itu dihormati dan dipandang baik oleh umum.